

# Pemimpin2 Kelab UMNO mesti lengkap ilmu — PM

1 OCT 1985

**K**UALA LUMPUR 30 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu pemimpin-pemimpin Kelab UMNO melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan bagi membolehkan mereka menjadi penyambung warisan pimpinan parti dan negara di masa akan datang.

Perdana Menteri berkata, pemimpin-pemimpin yang ada sekarang tidak

akan kekal, malah parti dan negara memerlukan pengganti-pengganti yang mempunyai cukup ilmu pengetahuan dan perse-diaan yang serius bagi meneruskan perjuangan untuk kepentingan bangsa dan negara.

Katanya, walaupun pemimpin silih berganti, tetapi matlamat parti yang diperjuangkan oleh pemimpin sekarang haruslah

di pertahankan.

Beliau yang juga Presiden UMNO membuat ingatan demikian semasa berucap dalam majlis perjumpaan tertutup selama sejam dengan 12 dari 14 buah Kelab UMNO yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Jurucakap kelab-kelab tersebut memberitahu, Perdana Menteri juga ma-

hu pemimpin-pemimpin Kelab UMNO mempunyai pemikiran yang positif dan mempertahankan kestabilan negara dari semua segi.

Menurut jurucakap itu, beliau juga berpuas hati kerana kelab-kelab UMNO di luar negeri telah dapat mententeramkan golongan pelajar yang ekstrim yang ~~teratai~~ dipengaruhi oleh pendakwah-pendakwah yang tidak bertanggungjawab.